

PM nasihat calon terima kekalahan

31 OCT 1993

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan calon-calon yang bertanding pada Perhimpunan Agung UMNO 4 November ini supaya menerima kemungkinan menghadapi kekalahan dengan hati yang terbuka.

Dr. Mahathir berkata, calon-calon yang kalah tetap mempunyai tempat dalam parti kerana UMNO memerlukan khidmat setiap anggotanya demi untuk memperjuangkan cita-cita bangsa dan negara.

“Asalkan sahaja pemilihan dijalankan dengan adil, bersih, mengikut perlembagaan dan diselenggarakan dengan so-

pan dan beradab, kita harus menerima keputusan pemilihan itu walaupun kita kalah,” kata Dr. Mahathir dalam perutusannya dalam buku cenderamata, sempena Perhimpunan Agung UMNO yang akan berlangsung dari 3 hingga 6 November di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Beliau mengingatkan bahawa tujuan pemilihan parti ialah untuk memilih pemimpin-pemimpin secara demokratik.

“Dalam pemilihan tentulah ada yang menang dan ada yang kalah,” kata Dr. Mahathir.